

Pemimpin Indonesia dalang marakkan sentimen

BERITA HARIAN, 11 JUN 2002

KUALA LUMPUR, Isnin — Kementerian Luar percaya sentimen anti-Malaysia yang semakin meningkat di kalangan rakyat Indonesia sekarang didalangi pemimpin politik dan media republik itu.

Menterinya, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata ada pemimpin politik Indonesia menjadi batu api memburuk-burukkan tindakan kerajaan Malaysia menghantar pulang pendatang tanpa izin.

Pada masa sama, katanya, media cetak dan elektronik di republik itu memainkan isu berkenaan untuk menimbulkan kebencian rakyat terhadap Malaysia.

“Pemimpin mereka dan media massa seharusnya faham tindakan Malaysia menghantar pulang rakyat republik itu kerana memasuki negara ini secara tidak sah. Reribu-ribu rakyat mereka yang mempunyai permit kerja dan dokumen perjalanan sah masih bekerja di negara ini. Kita tidak pernah ganggu mereka.

“Mengapa isu ini tidak diperbesar. Sebaliknya isu penghantaran pulang yang dieksploitasikan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Patriotisme Asean, di Melaka hari ini.

Berita Harian hari ini melaporkan sentimen anti-Malaysia menular di kalangan rakyat Indonesia apabila media cetak dan penyiaran republik itu memainkan isu penghantaran pulang pendatang tanpa izin dari negara ini.

Hukuman penjara dan sebat yang dikenakan terhadap pendatang tanpa izin yang gagal pulang selepas tempoh pengampunan tamat, menjadi perbualan hangat di negara jiran itu.

Jumaat lalu, 19 rakyat Malaysia, bersama-sama empat lagi rakyat Singapura ditahan hampir enam jam oleh Polis Republik Indonesia (Polri) hanya kerana tidak membawa pasport ketika berada di lobi hotel penginapan mereka di Danau Toba, Medan.

Sementara itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan mengutamakan keselamatan dan kebajikan rakyat negara ini apabila memutuskan untuk mengambil tindakan tegas ke atas pendatang tanpa izin.

Perdana Menteri berkata, kerajaan perlu bertindak sedemikian demi tanggungjawab kepada rakyat walaupun mengakui ia menyebabkan negara dikedam pelbagai pihak, khususnya rakyat dan kerajaan negara asal pendatang terbabit.

LIHAT MUKA 2

‘Elak ke Indonesia buat sementara’

DARI MUKA 1

“Kita nak buat macam mana. Orang ini datang ke sini tanpa surat yang sah. Mereka datang sini kerap kali tak ada kerja. Mereka juga terbabit dalam jenayah, termasuk membunuh.

“Kita ada tanggungjawab terhadap rakyat kita. Kalau orang tak suka kepada kita, apa nak buat. Bukan kita huat benda itu (tindakan tegas) dekat negeri orang lain. Orang lain yang datang buat kerja tak baik di negara kita,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan taklimat khas kepada ahli Puteri Umno sempena pemilihan pergerakan itu, di sini hari ini.

Dalam pet-kcmbangan ber-kaitan, Syed Hamid menasihatkan rakyat Malaysia supaya tidak pergi ke Indonesia buat sementara waktu berikutan sentimen di negara itu sekarang.

“Dalam suasana emosi tinggi ini, rakyat sepatutnya berhenti pergi ke negara itu tanpa alasan ke-

rana ia boleh menimbulkan masalah. Adalah tidak berbaloi lawatan ke negara itu jika kita disoal siasat dan diganggu.

“Saya rasa banyak lagi tempat menarik dengan kos berpatutan yang boleh kita lawati. Saya nasihatkan kita tidak perlu ke negara itu buat masa ini sebelum kita melihat apa sebenar masalah dan langkah perlu untuk membaiki masalah yang ditimbulkan,” katanya selepas dikunjungi Menteri Luar Poland, Dr Wlodzimirz Cimoszewicz, di pejabatnya di Putrajaya.

Sementara itu, Konsul Jeneral Malaysia di Medan, Mohd Yusof Abu Bakar ketika dihubungi dari sini malam ini berkata, beliau sudah melaporkan hasil perbincangannya dengan Gabenor Sumatera Utara, Tengku Rizal Nordin kepada Syed Hamid.

“Ia akan diumumkan sencliri oleh Datuk Seri Syed Hamid Albar. Itu saja yang saya dapat beritahu kepada anda,” katanya.